

27 FEB 1998

Anwar-Suharto

ANWAR DIJANGKA TEMUI SUHARTO DI JAKARTA

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka menemui Presiden Suharto ketika menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Asean di Jakarta mulai hari ini.

Anwar memberitahu pemberita demikian awal hari ini di Jabatan Perdana Menteri selepas menemui Yves Fortier, wakil yang dihantar oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Kofi Annan untuk menyelesaikan isu perundangan melibatkan Pelapor Khas PBB Datuk Param Cumaraswamy.

Pada tengaharinya beliau berlepas ke Jakarta untuk menghadiri mesyuarat dua hari itu.

Anwar juga berkata beliau tidak menerima apa-apa arahan dari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pemergiannya ke Jakarta itu.

Pada mesyuarat itu, Anwar dan rakan-rakan sejawatnya akan mengkaji langkah-langkah baru yang diambil oleh negara-negara anggota bagi menangani krisis ekonomi dan matawang serantau.

Anwar berkata minggu lepas bahawa para menteri itu juga akan membincangkan usaha dan kerjasama yang akan dihulurkan oleh Jepun dan Taiwan untuk membantu negara-negara Asean yang terlibat dengan krisis itu.

Pada mesyuarat mereka yang lalu di sini Disember lepas, para menteri itu telah meluluskan instrumen pinjaman persendirian bagi mengembeling sumber-sumber sektor swasta untuk membantu negara-negara mengelakkan serangan ke atas matawang mereka dengan bantuan institusi-institusi kewangan antarabangsa.

Antara negara-negara anggota Asean yang terlibat dengan krisis itu, Indonesia dan Thailand paling teruk terjejas dan telah menerima bantuan dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Walaupun keadaannya lebih baik sedikit, Malaysia telah mengambil langkah-langkah tegas untuk mengurangkan kos dan mengawal pertumbuhan kredit bagi memastikan pinjaman hanya diberikan untuk sektor produktif seperti pengeluaran dan pertanian.

Malaysia juga sedang meneliti mekanisme untuk mengliberalkan pemilikan ekuiti asing dalam syarikat-syarikat Malaysia serta juga untuk membolehkan syarikat-syarikat yang kaya tunai (cash-rich) membeli masuk syarikat-syarikat yang bermasalah kewangan. -- BERNAMA

MR ES WAT